

Menyemai patriotisme pelajar secara berterusan

B.H. 11/07/07 M/S 9

mudah pula berbuat demikian?

Gesaan Perdana Menteri itu sebenarnya Inovasi diberi peruntukan RM5.3 bilion un-



Malaysiaku Gemilang

Oleh Rahisam Ramli

SAYA bercita-cita membuka sebuah klinik dan memberi rawatan percuma kepada warga emas. Begitulah iltizam seorang pelajar cemerlang yang bakal ke luar negara dalam bidang perubatan ketika diajukan soalan berhubung wawasanya apabila kembali ke Malaysia selepas tamat pengajian kelak.

Sekali fikir memang mustahil untuk memberikan rawatan secara percuma pada hari ini, lebih-lebih lagi kos perubatan pula semakin tinggi. Namun, yang mustahil selalunya boleh menjadi kenyataan kerana cita-cita memberi rawatan secara percuma ada caranya.

Pengalaman penulis dalam satu kursus bersama mahasiswa yang akan ke luar negara bagi melanjutkan pengajian dalam pelbagai bidang memberi suatu mesej jelas bahawa generasi pasca merdeka hari ini masih menjunjung semangat patriotik yang sangat murni dan tinggi nilainya.

Sempena menyambut ulang tahun ke-50 kemerdekaan negara tahun ini, generasi selepas kemerdekaan sebenarnya mempunyai wawasan jauh ke hadapan seperti mana diimpikan pemimpin negara.

Walaupun terdengar beberapa pandangan mempersoalkan penghayatan erti kemerdekaan, terutama generasi muda hari ini sudah terhakis, impian anak muda itu mungkin cuba membuktikan pengisian erti kemerdekaan dengan cara mereka sendiri iaitu mengisi tenaga profesional tempatan seperti dikehendaki negara.

Soalnya, mengapa mahu memberikan rawatan secara percuma, sedangkan dia boleh mengaut keuntungan berlipat kali ganda dengan membuka klinik swasta dan mengenakan caj perundingan yang tinggi? Apakah selepas berusaha mendalami ilmu perubatan dengan melalui liku perjalanan sukar untuk mencapai kejayaan, dengan

mudah pula berbuat demikian?

Kepada dua pertanyaan itu, pelajar terbahit menjawab yang antara lain berbunyi: "Saya ingin membalas jasa kepada negara." Ia memberi satu petunjuk baru bahawa keberkesanan sistem pendidikan negara selama ini banyak menyuntik semangat cintakan tanah air yang mendalam terhadap diri pelajar.

Selain itu, komitmen pendidik dan ibu bapa dalam menyumbang tenaga ke arah pendidikan bersepadu dan menjadikan pemimpin negara sebagai contoh adalah ramuan utama membakar semangat baru kepada generasi masa kini.

Pelajar cemerlang ini merasai bahawa mereka tidak akan berjaya sehingga ke tahap ini tanpa wujud kerjasama padu dan penuh iltizam daripada semua pihak, terutama kesan daripada pelan pendidikan dirancang Kementerian Pelajaran, yang holistik dan penyediaan kemudahan prasarana persekolahan yang cukup selesa.

Mei lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ketika berucap di hadapan mahasiswa yang menuntut di Osaka, Jepun antara lain menyatakan mahasiswa harus bersedia berkhidmat kepada negara apabila tamat pengajian suatu amanat cukup besar dan bermakna.

Namun, penulis percaya dengan semangat patriotik yang tertanam pada diri pelajar cemerlang, mereka bukan saja akan berkhidmat kepada negara bahkan mereka akan mencari peluang bagaimana memberikan perkhidmatan secara percuma kepada golongan memerlukan.

Inilah yang diharapkan kerajaan daripada usaha meningkatkan modal insan ke dalam jiwa generasi selepas merdeka. Walaupun mereka tidak dapat membuktikan perjuangan menentang penjajahan seperti dilakukan tokoh pejuang terdahulu, itu tidak menghalang niat murni mereka.

Matlamatnya masih sama, cuma berbeza pendekatan dengan membalas jasa dan berbakti kepada negara dalam bentuk modal insan adalah bukti patriotisme yang mendalam dalam jiwa mereka selama ini dan mahu dikenang juga sebagai ikon pasca kemerdekaan.

Pembangunan modal insan adalah prasyarat penting memacu ekonomi berasaskan pengetahuan dan teknologi. Begitulah harapan Perdana Menteri terhadap sistem pendidikan masa kini yang mampu melahirkan generasi Ulul Albab.

Gesaan Perdana Menteri itu sebenarnya ada asas yang tersendiri iaitu mahu melihat Malaysia berada di landasan sebuah negara maju dibangunkan oleh kekuatan tenaga kerja tempatan. Dengan erti kata lain, tanggungjawab memajukan negara terletak pada bahu rakyat tempatan sendiri, bukannya orang luar.

Pada hari ini, kerajaan menerusi pelbagai agensi tajaannya berusaha meningkatkan modal insan dengan menghantar pelajar ke luar negara dalam pelbagai bidang kritikal. Contohnya, Mara menaja 1,000 tempat untuk pelajar Bumiputera mengikuti pengajian di luar negara bagi sesi akademik 2007/2008.

Dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Awam, kedua-dua agensi ini menguruskannya mahasiswa ke luar negara untuk mengambil pengajian perubatan, pergigian, bioteknologi, kejuruteraan, teknologi maklumat dan telekomunikasi di Australia, Amerika Syarikat, Jepun, India dan United Kingdom.

Mengikut rekod Sektor Pengurusan IPTA, Jabatan Pengurusan IPT, sehingga 2005 sejumlah 56,609 pelajar melanjutkan pengajian ke luar negara.

Disebabkan modal insan amat berkait rapat dengan bekalan tenaga mahir, maka dalam Bajet 2007 kerajaan memperuntukkan RM33.4 bilion untuk sistem pendidikan dan latihan bagi perbelanjaan mengurus dan pembangunan, manakala RM10.4 bilion untuk pengajian tinggi dan RM10.1 bilion untuk latihan.

Selain daripada itu, RM195 juta diperuntukkan bagi menaik taraf kemudahan di universiti tempatan yang sedia ada.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), Kementerian Sains, Teknologi dan

Inovasi diberi peruntukan RM5.3 bilion untuk pembangunan sains dan teknologi. Oleh itu, Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi bertanggungjawab menyediakan bekalan sumber manusia yang diperlukan oleh negara.

Penajaan untuk pendidikan disediakan melalui Mara pada 2006 pula sebanyak RM849 juta. Di samping itu, agensi kerajaan, syarikat berkaitan kerajaan (GLC), kerajaan negeri, organisasi swasta seperti syarikat dan bank juga menyediakan bantuan kewangan untuk pendidikan di peringkat tinggi.

Usaha kerajaan tidak terhenti setakat itu saja bahkan baru-baru ini kita mendapat pengiktirafan Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (Unesco) kerana berjaya mengaplikasikan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di dalam sistem pendidikan.

Seperti dikatakan Pengarah Unesco, Dr Hubert Gizjen bahawa Malaysia antara negara yang bersungguh-sungguh memajukan ICT dengan menerapkannya ke dalam sistem pendidikan, terutama dalam proses pembelajaran dan pengajaran (P&P).

Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Hussein pernah menyatakan bahawa langkah menekankan semula pendidikan holistik adalah bagi membentuk sah-siah pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek agar selari dengan kehendak Falsafah Pendidikan Negara.

Tanpa jati diri, akhirnya sesebuah bangsa akan hilang identitinya dan tanpa identiti, seseorang itu akan hilang keyakinan, kecintaan dan kesetiaan terhadap agama, bangsa dan negaranya.

Program perhimpunan pelajar cemerlang diadakan sejak 2001 itu berkonsepkan untuk mengintegrasikan pelajar pelbagai kaum agar dapat membantu menjana pembentukan jati diri dan penerapan nilai murni dalam konteks patriotisme positif, praktikal serta dinamik.

Sehubungan itu, usaha meningkatkan semangat patriotik kepada pelajar ke luar negara perlu diteruskan agar negara tidak kerugian dari segi penyediaan tenaga kerja profesional.

Penulis adalah Pensyarah Fakulti Pengajian Islam, Kolej Teknologi Islam Antarabangsa Melaka (KTIAM)

FAKTA NOMBOR

Sistem pendidikan negara

56,609

Pelajar ke luar negara

RM33.4b

Peruntukan untuk sistem pendidikan dalam Bajet 2007